



## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Anuar Bin Pardin (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Labuan, bagi pertuduhan di bawah Seksyen 37(2), Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan cuai memasang kabel *incoming* dan *outgoing* papan meter secara songsang sehingga menyebabkan kecederaan kepada pekerja Sabah Electricity Sdn Bhd. Pada 28 April 2025, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM8,000 gagal bayar 3 bulan penjara. OKS telah membayar denda tersebut.